

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI**

**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA
DAN OPS BERSEPADU PERINGKAT KEBANGSAAN
SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2016**

**PLAZA TOL SUNGAI BESI (ARAH SELATAN), KUALA LUMPUR
PADA 27 JUN 2016 (ISNIN)
JAM 10.00 PAGI**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis.

YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Bin Hj. Kasim,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Pengangkutan (MOT)

YBhg. Dato' Arifin Che Mat,
Ketua Pengarah,
Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR)

YBhg. Dato' Nadzri Siron
Ketua Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

YBrs. Profesor Dr. Wong Shaw Voon,
Ketua Pengarah,
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
Rakan-rakan media,

Tan Sri-Tan Sri, Datuk Seri-Datuk Seri, Dato'-Dato', dif-dif kehormat, tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.
2. Sempena bulan Ramadhan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada kaum Muslimin dan Muslimat serta terima kasih diucapkan kepada semua yang sudi hadir pada pagi ini bagi bersama-sama di Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Dan Ops Bersepadu Peringkat Kebangsaan Sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2016.
3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan semua Kementerian, Jabatan, agensi awam dan agensi swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) atas kerjasama dalam melaksanakan majlis ini demi satu amanat dan tanggungjawab bersama dalam mengurangkan kadar kematian dan kemalangan jalan raya, terutamanya sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang, orang ramai dijangka akan pulang ke kampung masing-masing untuk menyambut perayaan Aidilfitri bersama sanak saudara serta sahabat handai tersayang.

5. Dengan ini, perlu diingatkan agar semua pengguna jalan raya supaya sentiasa berhati-hati semasa memandu memandangkan aliran trafik dijangka mengalami peningkatan sehingga 1.6 juta kenderaan sepanjang musim perayaan.
6. Dengan peningkatan kenderaan di jalan raya, seperti yang kita sedia maklum, kebarangkalian untuk kemalangan juga bertambah.
7. Dalam situasi sebegini, sikap positif dan lebih penting lagi, sikap hormat menghormati perlu dipraktikkan malah perlu sering diingatkan agar pemandu sentiasa bersabar dan bertolak ansur demi mewujudkan suasana harmoni di jalan raya.
8. Maklum sajalah, semua yang berada di jalan raya sudah tentu tidak sabar untuk sampai ke destinasi masing-masing.
9. Oleh yang demikian, semua pengguna jalan raya tidak boleh sama sekali mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan keadaan pengguna lain.
10. Inilah kunci utama dalam mewujudkan suasana jalan raya yang selamat demi mengurangkan kadar kemalangan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Ciri-ciri pemanduan yang selamat adalah dengan mengikuti peraturan jalan raya. Ini merupakan pelajaran asas yang diterapkan dalam modul pembelajaran memandu.
12. Usahlah semakin lama dan berpengalaman di jalan raya, semakin berani untuk melanggar undang-undang.
13. Sikap mementingkan diri sendiri menyebabkan pemandu yang tidak bersalah menjadi korban di jalan raya, contohnya penggunaan lorong kecemasan dalam kalangan pemandu apabila berlaku kesesakan jalan raya, hal ini menyebabkan pemandu yang tidak bersalah menjadi mangsa.
14. Perlu diingatkan, lorong kecemasan adalah khas untuk keadaan kecemasan sahaja dan hanya untuk penggunaan kenderaan kecemasan seperti ambulans, polis serta bomba dan penyelamat bagi usaha menyelamatkan mangsa-mangsa kemalangan.
15. Pemikiran yang tidak bertanggungjawab ini bukan sahaja menyukarkan kerja-kerja menyelamatkan mangsa dijalankan malahan mungkin juga menyumbang kepada kehilangan nyawa mangsa.
16. Setiap tahun di musim perayaan kita meratap berita yang menyayat hati dan tragedi yang menguris perasaan kerana nyawa yang terkorban akibat kemalangan jalan raya.

17. Angka kematian disebabkan oleh kemalangan jalan raya secara purata adalah 19 orang setiap hari.
18. Pelbagai cara berkempen serta nasihat telah kita jalankan, namun kadar kemalangan dan kematian terus berlaku dengan lebih daripada 6,000 kematian direkodkan setiap tahun sejak 10 tahun lepas.
19. Ini jelas dalam statistik kemalangan yang amat membimbangkan yang termasuk:-
 - 19.1. Jumlah kemalangan jalan raya pada tahun 2015 telah meningkat kepada 489,606 berbanding 476,196 tahun 2014.
 - 19.2. Jumlah kematian juga menunjukkan peningkatan bagi tahun 2015 dengan 6,706 kematian berbanding 6,674 pada tahun 2014.
 - 19.3. 60% daripada kematian tersebut merupakan pengguna motosikal.
 - 19.4. Bagi tempoh perayaan Hari Raya Aidilfitri 2015, sebanyak 20,458 kemalangan yang melibatkan 330 kematian telah direkodkan oleh Polis Di Raja Malaysia (PDRM).
20. Walaupun dengan pelbagai usaha advokasi dan kempen keselamatan jalan raya, statistik yang telah dikongsikan tadi tidak mencerminkan perubahan yang diinginkan.
21. Saya telah menggesa dan terus menekankan bahawa seiring dengan usaha yang diterajui oleh Kerajaan, kejayaan keselamatan jalan raya tetap bergantung kepada pengguna sendiri.

22. Kesedaran untuk memandu mengikut had laju, tidak melanggar lampu merah, memakai tali pinggang keselamatan, menukar laluan dengan menggunakan isyarat serta tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu merupakan perkara asas yang harus dilakukan oleh pemandu sendiri.
23. Sebanyak mana pendekatan advokasi dan kempen yang dijalankan oleh pelbagai pihak sekalipun tidak akan dapat mengatasi keputusan pengguna sendiri untuk berhati-hati ketika di jalan raya.
24. Kuasa terletak di tangan pengguna dan anda semua harus menggunakan kuasa ini sebijak-bijaknya.
25. Dengan ini, selari dengan tema bagi musim perayaan kali ini, "**Nyawa Dihargai, Aidilfitri Lebih Bererti**", saya percaya mesej ini jika diselami oleh pengguna jalan raya akan meninggalkan kesan yang mendalam lagi bermakna.
26. Selari dengan tema ini, penekanan yang lebih diberikan kepada pemakainan tali pinggang keledar, bagi dewasa maupun anak-anak dengan pemakaian *child seats*.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

27. Penerapan sikap bertanggungjawab pengguna juga dilengkapi dengan penguatkuasaan. Seperti mana yang kita sedia maklum, penguatkuasaan dan advokasi perlu di terapkan secara seiringan.

28. Pengguna juga perlu lebih memahami bahawa penguatkuasaan tidak bermakna saman semata-mata.
29. Penguatkuasaan adalah cara efektif untuk memastikan pengguna tidak melanggar undang-undang demi menyelamatkan nyawa.
30. Sehubungan dengan itu, Kerajaan amat memandang serius hal ini di mana MOT dan JPJ akan menguatkuasakan sistem mata KEJARA dan pengawasan kamera Automated Awareness Safety System (AWAS) yang mana kedua-dua kaedah ini terbukti berkesan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya.

Para hadirin yang saya hormati,

31. Sambil semua bersiap sedia untuk menyambut kehadiran Aidilfitri, Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah penting bagi memastikan perjalanan yang lancar bagi pengguna.
32. Ini termasuk Ops Bersepadu oleh JPJ yang akan berlangsung pada 29 Jun hingga 13 Julai 2016.
33. Antara aktiviti utama penguatkuasaan JPJ pada kali ini adalah pemeriksaan ujian air kencing terhadap pemandu bas bersama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang akan dijalankan di 30 terminal bas di seluruh negara.

34. Skop Ops Bersepadu ini juga melibatkan operasi penyamaran sebagai penumpang bas dan pemeriksaan bas di depoh dan terminal.
35. Selain itu, JPJ juga akan menempatkan ahli Skuad Muda 1JPJ (SM1JPJ) di kawasan rehat lebuh raya (R&R) dalam Ops Bersepadu ini sebagai langkah untuk melibatkan orang awam dalam menjalankan advokasi keselamatan jalan raya bersama-sama anggota JPJ dan JKJR.
36. JPJ juga akan bekerjasama dengan pihak PDRM melakukan rondaan di lebuh raya dan jalan utama negeri sepanjang musim perayaan.
37. Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Pertahanan Awam akan turut bersedia 24 jam bagi memberi bantuan kecemasan kepada mangsa kemalangan yang mungkin berlaku sepanjang musim perayaan ini dengan membuka bilik gerakan serta mengadakan rondaan di lokasi-lokasi yang mencatatkan kemalangan tinggi.
38. Larangan ke atas kenderaan barang tertentu akan dikuatkuasakan oleh JPJ dan PDRM pada 2 dan 3 Julai 2016 sebelum perayaan dan pada 9 dan 10 Julai 2016 selepas perayaan.
39. Larangan ini bertujuan untuk mengurangkan risiko berlakunya kemalangan akibat percampuran trafik antara kenderaan berat dengan kenderaan ringan dalam usaha mengelakkan kesesakan lalu lintas.
40. Untuk melicinkan lagi perjalanan sempena musim perayaan ini, program pencegahan dan pemantauan akan dilaksanakan seperti

menghentikan kerja penyelenggaraan dan pembinaan dalam rizab lebuhraya, jalan persekutuan dan jalan negeri, serta mengalihkan semua jentera dan peralatan jauh dari bahu jalan sepanjang tempoh dari 29 Jun hingga 13 Julai 2016.

41. Walau bagaimanapun, pemberhentian kerja penyelenggaraan dan pembinaan ini tidak meliputi kerja-kerja menampal *potholes*, kecemasan dan kritikal serta kerja pembinaan di luar rizab jalan.
42. Kementerian Kerja Raya (KKR) akan mewartakan penurunan had laju 10 km/j bagi jalan persekutuan dan jalan negeri bagi tempoh 29 Jun hingga 13 Julai 2016.
43. Sehubungan itu, had laju bagi Jalan Persekutuan akan diturunkan daripada 90 km/j kepada 80 km/j manakala bagi Jalan Negeri akan diturunkan daripada 80 km/j kepada 70 km/j.
44. MIROS pula akan membuat kajian untuk menilai keberkesanan program-program yang dijalankan semasa Ops Hari Raya Aidilfitri. Penilaian ini dibuat sebelum dan sepanjang tempoh tersebut untuk membandingkan tahap keberkesanannya terhadap perubahan tingkah laku, persepsi serta kadar kemalangan dan kematian.
45. Adalah diharap dengan kajian ini, kita akan dapat lebih mendalam fikir faktor-faktor yang menyumbang kepada kemalangan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

46. Dalam menjayakan kempen-kempen keselamatan sebegini, Kerajaan mengalu-alukan kerjasama dari semua pihak. Kali ini, dan seperti tahun-tahun yang lepas, pelbagai pihak telah tampil untuk memberi sumbangan dan saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Perdana Menteri, Nestle Sdn Bhd, Scania Sdn bhd, Puspakom, Autoliv Hiratako, Silver Stone Berhad, Petron Fuel International Sdn Bhd dan Allianz Insurance Sdn Bhd.
47. Selain itu, beberapa syarikat juga menawarkan perkhidmatan dan sumbangan khas bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya sepanjang tempoh kempen kali ini. Antara syarikat yang terlibat adalah
- 47.1. Goodyear bagi pemeriksaan tayar
 - 47.2. Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Allianz Insurance Sdn Bhd, Koopers Distribution Sdn Bhd dan MIROS atas sumbangan *child seat dan booster seat*
48. Saya berharap bahawa kesedaran pihak korporat dan syarikat-syarikat swasta untuk mengambil dan mengadaptasi keselamatan jalan raya sebagai salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat atau *Corporate Social Responsibility (CSR)* harus dicontohi oleh pihak-pihak lain.
49. Hal ini merupakan satu langkah positif dalam menyokong usaha kerajaan bagi menangani isu-isu keselamatan jalan raya di Malaysia.
50. Kerajaan sentiasa menggalakkan dan menyokong inisiatif kempen keselamatan jalan raya yang dijalankan oleh sektor swasta dan NGO.

51. Syabas dan tahniah saya ucapkan dan berharap ianya diteruskan lagi di masa-masa akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

52. Seperti mana tahun-tahun sebelum, Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri turut dilaksanakan di peringkat negeri.

53. Oleh itu, saya secara peribadi mengucapkan terima kasih kepada semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Negeri yang bersama-sama menggerakkan pasukan advokasi dan kempen keselamatan jalan raya melalui koordinasi JKJR negeri dalam usaha dan misi yang sama, iaitu untuk menyedarkan dan memberi peringatan kepada pengguna jalan raya agar lebih mengutamakan keselamatan diri dan keluarga serta pengguna jalan raya yang lain terutamanya pada musim perayaan ini.

54. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama untuk menjayakan kempen ini serta semua kementerian, jabatan, agensi awam, agensi swasta dan pihak NGO yang terlibat.

55. Maka dengan ini, saya merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Ops Bersepadu Peringkat Kebangsaan Sempena Hari Raya

Aidilfitri 2016. Sesungguhnya, keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab kita bersama.

56. "Nyawa Dihargai, Aidilfitri Lebih Bererti"

57. Sekian, terima kasih.